

# → DASAR&PENTADBIRAN

**PROGRAM INTERNSHIP MAHASISWA TURUN PARLIMEN (MANTAP) VII**

# 100 graduan terima watikah penempatan

Mahasiswa jalani latihan seminggu pelajari tugas Ahli Parlimen BN

Oleh Meor Ahmad Nasriin

Rizal Ishak

meor.ahmad@bh.com.my

Putrajaya

Seramai 100 graduan yang terpilih menyertai Program Internship Mahasiswa Turun Parlimen (MANTAP) VII, menerima watikah penempatan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Sri Perdana, semalam.

Mereka akan menjalani latihan selama seminggu bersama Ahli

Parlimen Barisan Nasional (BN) bermula hari ini sehingga 30 November bagi memahami dan mempelajari usaha kerajaan dalam mendekati rakyat serta tugas Ahli Parlimen.

## 150 pelajar dipilih

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengurus MANTAP, Datuk Razali Ibrahim, berkata program edisi ketujuh itu mendapat sambutan memberangsangkan.

"Kita menerima 1,368 permohonan sebelum hanya 150 pelajar



Najib bersalaman dengan peserta MANTAP VII di Sri Perdana, Putrajaya, semalam.

dipilih menjalani saringan kedua untuk mencari 100 peserta terbaik. Mereka akan membantu Ahli Parlimen pada persidangan Dewan Rakyat.

"Menerusi program ini, peserta didedahkan dengan tugas sebenar Ahli Parlimen, sekali gus diharap dapat membentuk mereka untuk menjadi pemimpin negara satu hari nanti," katanya kepada BH, semalam.

Sepanjang menyertai program anjuran Kelab Penyokong Kerajaan Barisan Nasional (BNBBC) itu, peserta diberi latihan dan pende-

dahan dalam pelbagai aspek termasuk pengucapan awam, hias diri dan proses penyediaan bajet.

Antara mereka, pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Seri Iskandar, Mohamad Afiq Zaimi yang juga peserta terbaik MANTAP VII, berpeluang menjalani latihan amali di pejabat Perdana Menteri.

Selain itu, pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Sains Perubatan) Universiti Malaysia Pahang (UMP), Adly Akhyar Abdul Bahri pula ditempatkan di

pejabat Timbalan Perdana Menteri.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Muhamad Anas Ahmad di pejabat Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

Sementara itu, pelajar Diploma Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Sheikh Ammar Muda Sheh Shuhaimi pula akan menjalani latihan amali di pejabat Pejabat BNBBC, Tan Sri Shahrir Abdul Samad.